

## FUN-FAIR TELUK KUMBAR DILANJUTKAN... TAHNIAH UMNO



**KALAU  
DIKUTKAN  
PAMPE TU DAH  
BERAKHIR  
SEBULAN LEPAS  
TARIKH TU TAPI  
DAH  
DILANJUTKAN  
HINGGA 6  
JULAI..  
TAHNIAH UMNO,  
HIDUP  
MELAYU!!!**



**BAWAL HITAM, GELAMA  
IKAN DURI, AMAL TIKAM-  
TIKAM LAMA-LAMA JADI PEN  
JUDI!!!**

PESTA TELUK KUMBAR ITU NAMPAKNYA MENGUNTINGKAN. BETUL TELAHAN TOK MUDIM .... NAMPAKNYA PESTA ITU AKAN DI LANJUTKAN HINGGA KE 6 JULAI. DATANGLAH BERAMAI-RAMAI!!! MESTILAH UNTUNG! KAN ZAMAN \*\*IT. KALAU TAK UNTUNG BUAT APA DILANJUTKAN. MEREKA AKAN TERUS KHATANKAN POKET ORANG-ORANG ISLAM KAT SINI TAPI KITA TAK MEMPERSOALKAN UNTUNG RUGI DUIT. ... TAPI KEMUSNAHAN YG. DIBAWANYA. BANYAK LAGI AGENDA YG. BELUM SELESAI. SOAL PERGAULAN BEBAS DISINI, SOAL MOTOSIKAL EKZOS KUAT LAGI TAK BERLAMPU YG. MENGGANGGU ANAK PINAK SOAL ANAK-ANAK MUDA YG. SELALU BELI ARAK KAT KEDAI SOON HIN..

UMNO NI SELALU NAK PERSALAHKAN IBU BAPA . SEBENARNYA KERAJAANLAH KENA TUTUP SARANG-SARANG MAKSIAH.. ITU DAH TANGGUNGJAWAB. JANGAN GALI LUBANG, NANTI ORANG JATUH LUBANG. TERINGAT ULAMA KATANYA: KERAJAAN TU MACAM BAPA . BERTANGGUNGJAWAB KE KALAU BAPA BUKA BILIK ARAK, BUKA BILIK JUDI DIRUMAH. KOMDIAN PESAN KAT ANAK-ANAK JANGAN MASUK BILIK ARAK DAN JUDI BAPAK NAK PERGI KERJA. APA AGAKNYA SI BAPA DAN PENYOKONGNYA NAK JAWAB PADA HARI AKHIRAT KELAK...

### **INSTITUT PEMIKIRAN MAHATHIR**

AGAKNYA DIA GUNA INSTITUT PEMIKIRAN MAHATHIR, NAK KAWAL JUDI 'BUKA JUDI BERLESEN, NAK KAWAL SAMSU BUKA KEDAI SAMSU BERLESEN. NAK KAWAL PELACURAN??? ... EEE TAK GAMAK TOK MUDIM JAWAB. MACAMMANA DENGAN NAK KAWAL DADAH? GELINYA TOK MUDIM DENGAN INSTITUT PEMIKIRAN INI.

SATU LAGI TOK MUDIM INGAT PEMIKIRAN MAHATHIR NI KATANYA SEMUA TERLETAK PADA NIAT ... PAKAI TUDUNG TAK SEMESTINYA BAIK. SEKOMAN-KOMAN TOK MUDIM TUKANG SUNAT FIKIR MACAMNI, KALAU ORANG PAKAI TUDUNG TU TAK BAIK , DOSA TAK PAKAI TUDUNG DIA TAK DAPAT. KALAU TUDUNG DIA TAK PAKAI, DIA DAPAT DOSA TAK PAKAI TUDUNG DAN DOSA LAIN. KALAU IKUT PEMIKIRAN MAHATHIR LAGI OLEH KERANA KITA TAKUT ORANG PAKAI TUDUNG TU BUAT SALAH NANTI ORANG KATA ISLAM SUKA BUAT SALAH... TAK PAYAH PAKAI TUDUNG. SUSAH-SUSAH KITA TAK PAKAI APA.. SEBAB SEMUANYA TERLETAK PADA NIAT. MAKAN PUN TAK PAYAH... KITA NIAT. ANTARA LAIN PEMIKIRAN MAHATHIR IALAH ORANG MATI SYAHID TAK DIMANDIKAN KERANA TAK ADA AIR, NABI TAK CUKUR JANGGUT KERANA TAK ADA GILLETE... SEMACAM PEMIKIRAN ANAK TOK MUDIM YANG BELUM SUNAT LAGI.

MANA PI NYA PENDEKAR-PENDEKAR UMNO KAT TELUK KUMBAR NI YG. KONONNYA NAK MEMPERJUANGKAN MELAYU. PERKARA MUDAH MACAM TU TAK BOLEH HANGPA BUAT. MUNGKIN SIBUK KOT DENGAN BISNES!!! ATAU URUSAN MESJID.

PAYAH-PAYAH TUKAR NAMA UMNO MACAM SARANAN PM . KATA PM KAT PERHIMPUNAN HARI TU "KATA PERDANA MENTERI TURKI, IA TIDAK HENDAK MEMASUKKAN PERKATAAN ISLAM INI KE DALAM NAMA PARTI INI KERANA KATANYA, KALAU DIMASUKKAN NAMA ISLAM ITU KE DALAM NAMA PARTI, KALAULAH PARTI ITU MEMBUAT SESUATU YANG SALAH, MAKA DIANGGAP ISLAM ITU SALAH"

MEMANG NAMA UMNO TU SUDAH LAMA PATUT DITUKARKAN KERANA TINDAKAN UMNO MEMBENARKAN PAMPE (FUN FAIR) TU MEMANG SALAH DENGAN BUDAYA MELAYU. OLEH KERANA UMNO MEMBENARKAN JUDI KAT FUN FAIR TU MAKA MELAYU (BARU) NI NANTI DIANGGAP SUKA BERJUDI... DAN JUDI ITU HALAL!

KALAU IKUT PM NAMA MAHATHIR PUN TAK BOLEH GUNA . MAHATHIR PUN KENA UBAH NAMA JADI MAHAFUN-FIR. MAHATHIR KENA TUKAR NAMA KERANA "KALAU LAH SESORANG YG BERNAMA ISLAM ITU MEMBUAT SESUATU YG. SALAH, MAKA DIANGGAP ISLAM ITU SALAH"

MEMANG MAHATHIR DAH AWAL-AWAL LAGI KENA TUKAR NAMA . LAHIR LAHIR MAHATHIR TERUS BUBUH NAMA MAHAHA FUN-FIR KERANA PERANGAI DIA.. FITNAH ANWAR DAN TUTUP SAR.SEMUA ORANG ISLAM KENA TUKAR NAMA TAKUT NANTI TINDAKAN MEREKA DITAFSIRKAN TINDAKAN ISLAM!

PAYAH-PAYAH FIKIR KITA TUKAR SAJA NAMA UMNO TU JADI UNITED MUN\*F\*K ORGANIZATION. HABIS CERITA DAN MEMANG TEPAT. DIA SUKA PURA-PURA DAN BERLAKON.

SELAMA INI MEMANG SUKA MEMPERKAYAKAN TAUKEH CINA CINO YG JAHAT (BUKAN SEMUA). KAWASAN PILIHANRAYA NANTI BANYAK YANG MEMINTA SYAFAAT ORANG CINO UNTUK MENANGKAN UMNO. KITA BUKAN ANTI CINA KITA MAHUKAN KEBAIKAN UNTUK SEMUA. ORANG CINA PANDAI BERPOLITIK. ORANG UMNO BERPOLITIK HABIS MRSM KENA TUTUP. HABIS SINGAPURA, HABIS TANAH REZAB ,HABIS SEKOLAH AGAMA. HABIS .MASJID? LEPAS SINGAPURA PULAU PINANG PULA. TENGOK KAT TELOK KUMBAR YG KECIK NI SUDAPLAH...NAK TUTUP FUN FAIR PUN PAYAH.

SI UMNO NI BUKAN BOLEH HARAP, DIA KATA KASINO , FUN FAIR DAN PUSAT-PUSAT JUDI NI UNTUK ORANG CINA. AKHIR SEKALI ORANG MELAYU DAN CINA KEDUA-DUANYA ROSAK. SEMUA AGAMA MENGHARAMKAN JUDI...TAPI KAT TELOK KUMBAR NI ORANG MELAYU YG. BANYAK SEKALI MENGUNJUNGI FUN FAIR TU... MESTILAH..... , KAWASAN MELAYU ORANG CINA ADALAH KOT 1 PERATUS YG MAI PAMPE NI , KALAU DI TOLAK TAUKEH DAN PEKERJA TINGGAL 0 PERATUS. .

UMNO KENALAH BANTAH HANGPA ADA KUASA. KALAU DAH TAK ADA KUASA NANTI TAK PAYAH CAKAPLAH.DALAM ISTILAH TOK MUDIM, UMNO TELOK KUMBAR LEMAH SYAHWAT. JANGAN-JANGAN FIKIRAN HANGPA MACAM PM HANGPA "KITA BUKA PUSAT JUDI UNTUK UJI KEIMANAN" KALAU MACAM TU RUMAH KITA TAK PAYAH KUNCILAH. KALAU PENCURI KUAT IMAN, DIA TAK MASUK RUMAH KITA ...

MACAMMANA DENGAN MASJID? TOK MUDIM DENGAR UMNO MAHU TAPI MALU! BATALKANLAH ... JANGANLAH DICARI PULA KERJA LAIN. NANTI KALAU MASYARAKAT BERPECAH HANGPA NAK BUAT MACAMMANA. KALAU AJK (BARU) PUN TAK MAI MASJID MACAM MANA NAK SELESAI MASALAH ANAK KARIAH? (BOLEH GUNA INSTITUT PEMIKIRAN MAHATHIR KOT?.), KERJA PAMPE TU SELESAIKANLAH DULU.

TERINGAT TOK MUDIM PADA PEMIKIRAN MAHATHIR YANG NAK DAKWAH ISRAEL DENGAN JEMPUT PASUKAN KRIKET, NABI PUN TAK BOLEH NAK DAKWAH YAHUDI TAMBAH MAHATHIR!!! DAKWAH PUNYA DAKWAH JADILAH YAHUDI LAGI GANAS MACAM HARI NI. MAHATHIR BOLEH! MALAYSIA BOLEH! MELAYU BOLEH !

UMNOLAH YG. MENYUSAHKAN TOK-TOK IMAM, TOK-TOK KHATIB, TOK-TOK-TOK GURU ,PENOLONG-PENOLONG KANAN , CIKGU CIKGI DAN TOK-TOK MUDIM SEKALI. BERBUIH LAH TOK KHATIB SEBUT ITTAQULLAH...ITTAQULLAH. TERGELIAT LIDAH TOK-TOK GURU DAN PARA GURU SERTA USTAZ (TERMASUK USTAZ YG KUAT UMNO TU) ENTAH-ENTAH USTAZ PUN BERLAKON MACAM MAHATHIR) LARANG BEBUDAK JANGAN MAIN JUDI. RUPA-RUPANYA...UMNO BENARKAN SARANG JUDI.

KEPADA PARA REFORMIS; KITA TIDAK BOLEH DOK DIAM. UMNO BUAT KITA NI MACAM TAK DAK TELOQ, NAIKKAN BANNER, KUMPUL TANDATANGAN DAN SEBARKAN RISALAH MEMPERTAHANKAN MASJID KITA.

TOK MUDIM PUN HERAN PASAL APA UMNO TAK PEDULI SOAL-SOAL JUDI NI. JANGAN-JANGAN PILIHANRAYA NI TAUKEH JUDI NI ADA HULOQ KOT ! STRATEGI WIN-WIN KATAKAN... TAHNIAH!

**TOK MUDIM : NAK SUNATKAN BERAMAI-RAMAI BEBUDAK YG. LAHIR DI INSTITUT PEMIKIRAN MAHATHIR DI ALAMAT; MASJID UMNO, TELUK KASINO 11920 PULAU PINANG DARUL PESTA WA PAMPE...**